

M/S	TAJUK BERITA	TARIKH	SUMBER
3	JS-SEZ BUKA PELUANG KERJA LEPASAN TVET, PEKERJA MAHIR DAN SEPARUH MAHIR	8 JANUARI 2025	BERNAMA ONLINE
4-6	PERUNTUKAN RM431 JUTA KEPADA JPPKK BAGI PERKASA PEMBANGUNAN TVET	8 JANUARI 2025	BERNAMA ONLINE
7-9	TRANSFORMASI DIGITAL, TVET DAN PEMERKASAAN EKONOMI DESA DICADANG DALAM INISIATIF KEMAS	9 JANUARI 2025	BERNAMA ONLINE
10-12	KHAZANAH PERUNTUK RM200 JUTA UNTUK LATIH 11,000 BELIA MELALUI K- YOUTH	10 JANUARI 2025	BERNAMA ONLINE
13-15	KERAJAAN SASAR 500,000 PENGAMBILAN PELAJAR TVET TAHUN INI	11 JANUARI 2025	BERNAMA ONLINE
16-17	GiatMARA BERJAYA LAHIR RAMAI USAHAWAN BERJAYA SEPANJANG 39 TAHUN PENUBUHAN	12 JANUARI 2025	BERNAMA ONLINE
18-25	UMPSA LAKSANA PENDIDIKAN FLEKSIBEL SOKONG HALA TUJU TVET	13 JANUARI 2025	BERNAMA ONLINE
26-32	MAXIS METERAI MOU DENGAN UMT, UTHM PERLUAS KERJASAMA INDUSTRI –AKADEMIK	13 JANUARI 2025	BERNAMA ONLINE
33-35	MAJLIS TVET MELAKA PERLUAS KERJASAMA INDUSTRI, BERI LEBIH BANYAK PELUANG	19 JANUARI 2025	BERNAMA ONLINE
36-41	TVET EDUCATION SHOULD PRIORITISE UNDERPRIVILEGED GROUPS' RIGHTS, EQUITY AND INCLUSION	22 JANUARI 2025	BERNAMA ONLINE
42	UNIKL MIMET'S WAVE TANK TO BOOST MALAYSIA'S MARITIME TVET SECTOR	24 JANUARI 2025	BERNAMA ONLINE

M/S	TAJUK BERITA	TARIKH	SUMBER
43	REGISTER TAHFIZ SCHOOLS TO AVOID MISSING OUT ON GOVT ASSISTANCE	30 JANUARI 2025	MHI ONLINE

BERNAMA

8 JANUARI 2025

BERNAMA ONLINE | JS-SEZ BUKA PELUANG KERJA LEPASAN TVET, PEKERJA MAHIR DAN SEPARUH MAHIR

JS-SEZ Buka Peluang Kerja Lepas TVET, Pekerja Mahir Dan Separuh Mahir

🕒 08/01/2025 03:21 PM



Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Mohamed Ismail KP Pakir Mohamed menunjukkan isyarat bagus selepas beliau melihat rakaman Perjanjian Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) di komputer ribanya.

BERNAMA

8 JANUARI 2025

BERNAMA ONLINE | PERUNTUKAN RM431 JUTA KEPADA JPPKK BAGI PERKASA PEMBANGUNAN TVET

Peruntukan RM431 Juta Kepada JPPKK Bagi Perkasa Pembangunan TVET

🕒 08/01/2025 03:45 PM



PORT DICKSON, 8 Jan (Bernama) -- Kerajaan melalui peruntukan pembangunan (DE) di bawah belanjawan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12), Rolling Plan Ke-5 (RP5) 2025 meluluskan sebanyak RM431 juta melibatkan 70 projek sambungan dan 41 projek baharu kepada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK).

PORT DICKSON, 8 Jan (Bernama) -- Kerajaan melalui peruntukan pembangunan (DE) di bawah belanjawan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12), Rolling Plan Ke-5 (RP5) 2025 meluluskan sebanyak RM431 juta melibatkan 70 projek sambungan dan 41 projek baharu kepada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK).

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan Dan Pembangunan) Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Datuk Mohamad Azhan Md Amir berkata peruntukan itu diberikan bagi menyokong aspirasi pemeraksanaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) negara.

Beliau berkata kelulusan ini melibatkan projek pembangunan kampus baharu, perolehan tanah bagi kampus baharu, perolehan peralatan baharu, penggantian peralatan akademik usang, pembinaan tambahan bangunan, kerja menaik taraf infrastruktur dan bangunan, pembangunan program serta pembangunan digital bagi Politeknik dan Kolej Komuniti (POLYCC) seluruh negara.

"Selain peruntukan pembangunan TVET terdapat juga peruntukan RM41.6 juta bagi projek naik taraf termasuk projek usang yang akan dilaksanakan membabitkan 36 politeknik dan 106 kolej komuniti.

"Terdapat juga peruntukan RM5 juta bagi pembangunan infra mesra bagi Orang Kurang Upaya di setiap bangunan politeknik dan kolej komuniti bagi memastikan tiada pelajar terpinggir sekali gus menyediakan persekitaran kondusif buat pelajar istimewa ini.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Penyerahan Surat Permakluman Projek RMK12 RP5 Tahun 2025 dan Pelancaran Rancangan Pembangunan PolyCC 10 Tahun (2026-2035) di Politeknik Port Dickson di sini hari ini.

Dalam pada itu, Mohamad Azhan berkata pelaksanaan Rancangan Pembangunan PolyCC 10 Tahun (2026–2035) ini ialah langkah penting untuk menjadikan Politeknik dan Kolej Komuniti sebagai pusat kecemerlangan TVET bertaraf dunia melalui Rancangan Utama iaitu '9 Big Plans'.

Beliau berkata, fokus '9 big plans' ini merangkumi perancangan holistik iaitu memberi tumpuan kepada pembangunan program TVET yang mampan, penyediaan ruang baharu kondusif, perolehan peralatan bagi menyokong perkembangan teknologi terkini, dan pembangunan kompetensi pensyarah.

"Selain itu, melalui pelan ini juga kita akan menyediakan platform tersusun dalam aktiviti penyelidikan, pembangunan, inovasi bagi menyokong pembangunan ekonomi mampan tanpa memberi kesan negatif kepada kesihatan bumi.

"Rancangan itu juga membuktikan komitmen JPPKK dalam memastikan POLYCC terus kekal relevan, mampu bersaing, dan memenuhi keperluan industri yang semakin mencabar, khususnya dalam bidang baharu seperti kecerdasan buatan (AI), digital, minyak dan gas serta sebagainya," katanya.

-- BERNAMA

BERNAMA

9 JANUARI 2025

BERNAMA ONLINE | TRANSFORMASI DIGITAL, TVET DAN PEMERKASAAN EKONOMI DESA DICADANG DALAM INISIATIF KEMAS

Transformasi Digital, TVET Dan Pemerkasaan Ekonomi Desa Dicapang Dalam Inisiatif KEMAS

🕒 09/01/2025 03:32 PM



Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi ketika berucap pada Program Pemerkasaan Masyarakat MADANI Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) 2025 di Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), hari ini.

PUTRAJAYA, 9 Jan (Bernama) -- Pelan transformasi digital, pemantapan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan pemeraksanaan ekonomi serta keusahawanan desa antara cadangan yang diangkat bagi memastikan keberkesanan kesemua inisiatif Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS).

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata KEMAS selaku agensi yang lebih enam dekad bertapak dalam negara, perlu terus melaksanakan lebih banyak inisiatif berimpak tinggi bagi membina asas kukuh untuk masa depan negara.

"Sudah tiba masanya untuk KEMAS menggerakkan usaha secara kolektif dengan menghimpunkan kepakaran dan pandangan pelbagai pihak bagi menyelesaikan masalah, melaksanakan projek dan bergerak seiring untuk mencapai objektif lebih besar.

"Antaranya, (pelan transformasi digital) Pelan Digital Pendidikan Awal Kanak-Kanak melibatkan 11,000 tabika dan hampir 200,000 pelajar.

"Jadi, saya mahu KEMAS memperkenalkan Bootcamp Literasi Digital dengan kerjasama syarikat digital untuk melengkapi diri dengan kemahiran pengekodan, pemasaran digital dan keselamatan siber," katanya ketika berucap pada Program Pemeraksanaan Masyarakat MADANI KEMAS di sini hari ini.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata aspek TVET juga perlu diperluas bagi meningkatkan kemahiran belia selain menyarankan untuk memperkasa ekonomi desa melalui Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) dan Program Peningkatan Pendapatan (PPP).

"Ia boleh ditambah lagi dengan bimbingan dan kerjasama bersama syarikat tempatan bagi membantu penduduk setempat memulakan serta mengembangkan perniagaan mereka. Saya juga mahu tumpuan terhadap tadbir urus jentera KEMAS diperkukuhkan agar lebih cekap dan mampan.

"Selain itu, kita dalam proses pelaksanaan Tabika Berkeperluan Khas atau tabika Autisme yang akan mula beroperasi di Melaka, dan saya mahu ia diperluas ke seluruh negara," katanya.

Beliau berkata inisiatif berkenaan adalah sebahagian daripada usaha strategik KEMAS untuk memperluas akses pendidikan inklusif kepada kanak-kanak yang memerlukan perhatian khas, sekali gus menyokong agenda negara dalam membina masyarakat lebih inklusif dan sejahtera.

Selain itu, Ahmad Zahid berkata KEMAS telah meletakkan asas yang kukuh dalam membangunkan komuniti desa yang sejahtera selama 64 tahun kewujudannya.

"Pengiktirafan Antarabangsa *Gold Award-Reader's Digest Trusted Brand* buat kali kelima dan pencapaian *Malaysia Book of Records-The Largest Children Participation in J-Robic Event 2024* menjadi bukti kecemerlangan ini.

"Meskipun pelbagai pencapaian telah diraih, KEMAS tidak akan berhenti di sini. Institusi ini kini mengorak langkah ke arah transformasi strategik melalui pendekatan *cross functional* yang akan diterapkan dengan menggabungkan kepakaran Bahagian Pendidikan Kanak-Kanak, Bahagian Pembangunan Komuniti, dan Bahagian Pendidikan Kemahiran untuk melaksanakan program yang lebih berkesan," katanya.

-- BERNAMA

BERNAMA

10 JANUARI 2025

BERNAMA ONLINE | KHAZANAH PERUNTUK RM200 JUTA UNTUK LATIH 11,000 BELIA MELALUI K- YOUTH

Khazanah Peruntuk RM200 Juta Untuk Latih 11,000 Belia Melalui K-Youth

🕒 10/01/2025 10:19 PM



KUALA LUMPUR, 10 Jan (Bernama) -- Khazanah Nasional Bhd memperuntukkan RM200 juta bagi Program Pembangunan Belia Khazanah (K-Youth) tahun ini bertujuan melatih dan membangunkan 11,000 belia Malaysia dalam sektor utama seperti semikonduktor.

Menurut Khazanah, peruntukan ini bertujuan memenuhi keperluan pasaran yang semakin berkembang selaras dengan usaha melahirkan graduan profesional yang bersedia menyahut cabaran industri.

Program K-Youth yang dilancarkan pada 2023 telah mencatatkan pencapaian memberangsangkan apabila 83 peratus daripada 8,381 peserta berjaya memperoleh pekerjaan dalam industri utama yang disasarkan.

Pengarah Urusan Khazanah Datuk Amirul Feisal Wan Zahir dalam satu kenyataan menyatakan bahawa pelaburan dalam pembangunan modal insan adalah penting untuk memastikan belia Malaysia dapat menyesuaikan diri dengan kemahiran yang relevan dalam era Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0).

"Khazanah berhasrat untuk mencipta saluran bakat yang mampan melalui inisiatif peningkatan kemahiran dan pemantapan semula sebagai respons kepada inovasi teknologi yang pesat.

"Khazanah juga komited untuk memajukan sektor Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), memastikan ketersediaan bakat terampil yang bersedia menghadapi cabaran masa depan serta memberi sumbangan positif kepada matlamat pembangunan Malaysia," katanya.

Seorang peserta dari Pulau Pinang Nurul Amanina Naushad berkata program itu memberi peluang untuk membina kemahiran dan meningkatkan kesiapsiagaan dalam pekerjaan.

"Berbeza dengan program lain yang lebih kepada teori, K-Youth memberikan peluang bekerja dengan pelanggan sebenar untuk mempromosikan perniagaan menggunakan kemahiran yang saya pelajari.

"Pengalaman dalam projek sebenar sangat penting kerana ia membolehkan kita mengaplikasikan apa yang dipelajari dalam suasana praktikal," katanya.

Seorang lagi peserta program Deepanraj Ravi Chandran turut memuji K-Youth kerana membantunya membina kemahiran teknikal dan keyakinan melalui latihan praktikal serta projek dunia nyata.

"*Mentorship* dan peluang rangkaian yang disediakan membantu saya mendapatkan peranan sepenuh masa sebagai pembina tindanan penuh," katanya.

Selain K-Youth, Khazanah turut melaksanakan inisiatif 42 Malaysia (42MY) hasil kerjasama dengan Sunway Education Group untuk melatih 10,000 profesional teknologi berkemahiran.

42MY menyediakan pendidikan pengkodan percuma kepada individu berumur 18 tahun ke atas, tanpa mengira latar belakang pendidikan atau sosioekonomi. Ia menggunakan model pembelajaran rakan sebaya yang inovatif untuk menggalakkan penyelesaian masalah dan kolaborasi.

Sementara itu, Ng Jun Han, peserta 42 Kuala Lumpur (42KL), sebuah sekolah sains komputer rakan setara kelolaan 42MY berkata persekitaran pembelajaran di 42MY sangat berbeza kerana ia mengutamakan keberanian untuk mencuba dan gagal.

"Inovasi memerlukan penghapusan laluan yang salah, dan melalui kegagalan, laluan yang salah dapat dikenal pasti. Sebelum menyertai 42KL, saya hanya berharap untuk mendapatkan pekerjaan tetapi program ini telah mengubah perspektif saya sepenuhnya," katanya.

Seorang lagi peserta, Adya Zahila Hasman yang juga penerima geran Yayasan Hasanah berkata kurikulum di 42KL memberi pendedahan praktikal kepada kemahiran teknologi daripada pelbagai industri.

"Program ini memastikan kami dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan untuk bekerja. Selain itu, ia percuma membolehkan saya fokus pada pembelajaran tanpa tekanan kewangan," katanya.

-- BERNAMA

BERNAMA

11 JANUARI 2025

BERNAMA ONLINE | KERAJAAN SASAR 500,000 PENGAMBILAN PELAJAR TVET TAHUN INI

Kerajaan Sasar 500,000 Pengambilan Pelajar TVET Tahun Ini – Ahmad Zahid

🕒 11/01/2025 08:01 PM



Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menandatangani bingkai gambar selepas melawat bengkel latihan pada sesi tinjauan mesra Malaysia China Institute (MCI) di Giat Mara Bagan Datuk. Turut hadir, Pengerusi Giat Mara, Datuk Musa Sheikh Fadzir (kiri).

BAGAN DATUK, 11 Jan (Bernama) -- Kerajaan menyasarkan seramai 500,000 pelajar akan mengikuti program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di kesemua 1,398 institusi TVET di seluruh negara tahun ini.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang juga Pengerusi Jawatankuasa Majlis TVET Negara berkata permohonan untuk mengikuti program berkenaan telah dibuka mengikut fasa ditetapkan.

"Dengan kerjasama 1,398 institusi TVET ini, kita jangka sambutan terhadap kursus-kursus yang disediakan ini akan cukup mengalakkan.

"Kursus-kursus ditawarkan adalah yang bersesuaian dengan permintaan daripada majikan, khususnya daripada industri dan memorandum perjanjian telah ditandatangani antara institusi TVET dengan pihak majikan dan industri, ertinya, setelah tamat kursus, lepasan TVET akan terus bekerja dengan majikan-majikan berkenaan," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas tinjauan mesra di sekitar Institut Malaysia-China (MCI) GiatMARA di sini yang turut disertai Pengerusi GiatMARA Datuk Musa Sheikh Fadzir.

Sementara itu, Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata sebanyak 5,125 tempat yang ditawarkan oleh MCI untuk pelajar Malaysia mengikuti latihan dalam bidang TVET akan dipenuhi tahun ini.

"Syarikat China memberikan biasiswa sepenuhnya sepanjang pelajar-pelajar Malaysia berada di sana (China), tetapi mereka minta untuk tiket penerbangan dibiayai oleh organisasi di Malaysia.

"Pihak MARA umpamanya menaja pelajar-pelajar GiatMARA...saya juga telah menawarkan pada negeri-negeri lain dan insya-Allah tajaan tiket ini akan dikendalikan oleh pihak-pihak berkenaan yang telah saya tawarkan tempat itu kepada mereka," katanya.

Pada 30 Mei tahun lepas, Ahmad Zahid dilaporkan berkata sebanyak 220 syarikat China menawarkan 5,125 kuota kepada pelajar Malaysia untuk menjalani latihan berkaitan TVET bagi jangka pendek, sederhana dan panjang sekali gus menjadi '*game changer*' atau pengubah keadaan dalam melonjakkan industri TVET di Malaysia.

Mengulas mengenai MCI-GiatMARA di sini, Ahli Parlimen Bagan Datuk itu berkata ia menjadi pusat persediaan pelajar untuk ke China dan turut diajar asas bahasa Mandarin bagi memudahkan mereka mengikuti kursus di republik itu.

-- BERNAMA

BERNAMA

12 JANUARI 2025

BERNAMA ONLINE | GiatMARA BERJAYA LAHIR RAMAI USAHAWAN BERJAYA SEPANJANG 39 TAHUN PENUBUHAN

GiatMARA Berjaya Lahir Ramai Usahawan Berjaya Sepanjang 39 Tahun Penubuhan – Ahmad Zahid

🕒 12/01/2025 01:33 PM



Kredit: FB – Zahid Hamidi

KUALA LUMPUR, 12 Jan (Bernama) -- Sejak ditubuhkan 39 tahun lepas bermula pada 12 Jan 1986, GiatMARA telah berjaya memainkan peranan aktif dalam melahirkan tenaga kerja mahir dan usahawan yang berjaya di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata dengan 232 cawangan di seluruh Malaysia, GiatMARA terus komited dalam memperkasakan bidang latihan kemahiran teknikal dan vokasional yang selaras dengan keperluan industri masa kini.

"Kejayaan GiatMARA melahirkan graduan yang berkualiti mencerminkan dedikasi mereka dalam memastikan setiap pelajar bukan sahaja berdaya saing, tetapi juga bersedia untuk mencipta kejayaan dalam bidang masing-masing," kata beliau menerusi hantaran Facebook hari ini.

Ahmad Zahid yang Pengerusi Jawatankuasa Majlis Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) Negara menzahirkan perasaan bangga atas kejayaan sepanjang hampir empat dekad itu dan turut mengucapkan selamat menyambut ulang tahun ke-39 GiatMARA.

Beliau turut mendoakan semoga institusi berkenaan terus berkembang pesat, memperkasakan lebih ramai rakyat di negara ini dan menjadi peneraju utama dalam memperkasakan agenda TVET negara.

-- BERNAMA

BERNAMA

13 JANUARI 2025

BERNAMA ONLINE | UMPSA LAKSANA PENDIDIKAN FLEKSIBEL SOKONG HALA TUJU TVET

TINTA MINDA

**UMPSA LAKSANA PENDIDIKAN FLEKSIBEL SOKONG HALA
TUJU TVET**



Credit: UMPSA

13/01/2025 11:15 AM

Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) memainkan peranan penting dalam memperkukuh daya saing ekonomi negara, terutama dalam menghadapi cabaran era Revolusi Industri 4.0 dan keperluan pasca-pandemik. Malaysian Technical University Network (MTUN), melalui pelan hala tuju TVET Termaju 2030, menetapkan enam teras utama untuk mencapai matlamat ini, termasuk Kecemerlangan Akademik & Pengantarabangsaan, Kelestarian Teknologi & Jaringan Industri, dan Keunggulan Bakat.

Sebagai salah satu universiti di bawah MTUN, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) memainkan peranan proaktif dalam merealisasikan aspirasi ini dengan memacu kejayaan melalui pendekatan Pendidikan Fleksibel. Fokus UMPSA terhadap inovasi pengajaran dan pembelajaran diterjemahkan melalui pelbagai inisiatif e-Pembelajaran, yang diselaraskan oleh Pusat Sumber Pengajaran dan e-Pembelajaran (PSPe) di bawah Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa (JHEAA).

Antara kejayaan utama UMPSA adalah pembangunan Micro-Credential (MC) bersama rakan industri terkemuka seperti AirAsia Drone, AeroDyne, dan MTDC, serta penyediaan kelas hibrid HyFlex EduSpot yang lengkap dengan teknologi canggih untuk mendukung pembelajaran secara imersif. UMPSA juga menekankan aspek pengantarabangsaan dengan penglibatan dalam Global Classroom, pemindahan kredit kursus melalui program akreditasi stackable MC dan persediaan ke arah Pendidikan Jarak Jauh Terbuka (ODL).

Dengan inisiatif ini, UMPSA bukan sahaja mendukung aspirasi MTUN tetapi turut menjadi peneraju dalam melahirkan graduan inovatif yang berdaya saing di peringkat global. Ini sekali gus memperkukuh kedudukan TVET sebagai pemacu pembangunan negara menjelang tahun 2030.

Inisiatif Pendidikan Fleksibel Di UMPSA

UMPSA mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan pelbagai inisiatif pendidikan fleksibel yang tidak hanya memenuhi keperluan pembelajaran moden tetapi juga mencipta pengalaman pembelajaran yang lebih kaya dan interaktif. Antara inisiatif utama yang dilaksanakan di UMPSA adalah:

1. Micro-Credential dan Pemindahan Kredit (MC):

Micro-Credential merupakan pendekatan inovatif dalam pendidikan tinggi yang menawarkan modul pembelajaran jangka pendek dan khusus. Setiap modul MC dirancang untuk memberikan pelajar pengetahuan atau kemahiran tertentu yang boleh diiktiraf secara profesional, tanpa perlu mengikuti program akademik sepenuh masa. MC juga boleh ditawarkan secara stand alone, iaitu sebagai kursus individu untuk keperluan tertentu, atau diintegrasikan ke dalam program akademik melalui sistem pemindahan kredit.

Melalui akreditasi yang telah ditetapkan oleh MQA, modul MC yang ditawarkan memenuhi piawaian kualiti dan kesesuaian dengan keperluan industri. Pelajar yang menyelesaikan modul MC layak menerima sijil pengiktirafan yang boleh digunakan

UMPSA telah mengambil langkah proaktif dalam membangunkan modul MC bersama pihak industri seperti AirAsia Drone, AeroDyne, dan Malaysian Technology Development Corporation (MTDC). Kerjasama ini memastikan modul yang dihasilkan memenuhi keperluan teknologi semasa dan permintaan pasaran. Pendekatan kolaboratif ini menjadikan MC bukan sahaja relevan dari segi akademik, tetapi juga diterima pakai oleh industri, memberikan pelajar nilai tambah yang signifikan dalam kerjaya mereka.

Melalui pemindahan kredit, pelajar yang melengkapkan modul MC ini berpeluang mengintegrasikan pencapaian mereka ke dalam program akademik formal di UMP SA. Ini bukan sahaja mempercepatkan laluan pembelajaran, tetapi juga mempromosikan pendekatan pendidikan fleksibel yang memberi manfaat kepada pelajar dari pelbagai latar belakang.

2. Global Classroom:

UMPSA terus melangkah ke hadapan dalam mengukuhkan peranannya di peringkat antarabangsa melalui inisiatif Global Classroom, yang menggabungkan pembelajaran dalam talian dengan kerjasama institusi pendidikan luar negara. Inisiatif ini membuka peluang kepada pelajar-pelajar dan pensyarah UMP SA untuk meneroka perspektif global, bekerjasama dengan rakan dari pelbagai negara, serta memahami dinamik industri secara menyeluruh. Setakat ini, UMP SA telah menjalinkan kolaborasi dengan beberapa negara utama termasuk Indonesia, China, Jerman, India, Thailand, Jepun, Korea Selatan, Nigeria, Australia, Amerika Syarikat, dan United Kingdom.

Inisiatif ini memberikan impak besar dalam membina jaringan lintas budaya. Pelajar UMPSA kini berpeluang mempelajari kepelbagaian budaya global, berkomunikasi secara efektif dengan rakan sejawat antarabangsa, serta mempersiapkan diri mereka untuk bersaing dalam pasaran kerja global.

Di samping itu, inisiatif ini turut menyokong agenda MTUN dalam usaha menarik lebih ramai pelajar antarabangsa ke Malaysia menjelang 2030. Dengan jalinan kerjasama ini, UMPSA berharap dapat memainkan peranan penting sebagai pusat kecemerlangan pendidikan yang relevan di peringkat global. Melalui usaha seperti ini, UMPSA bukan sahaja menyumbang kepada pembangunan pendidikan tinggi negara tetapi juga memastikan graduannya dilengkapi dengan kemahiran global yang diperlukan dalam era industri 4.0.

3. Teknologi Realiti Maya (VR) dan Realiti Tambahan (AR)

UMPSA terus menerajui inovasi pembelajaran dengan mengintegrasikan teknologi Realiti Maya (VR) dan Realiti Tambahan (AR) untuk mencipta pengalaman pendidikan yang lebih mendalam dan interaktif. Melalui Imersif Lab yang dilengkapi dengan teknologi terkini, pelajar dapat mengalami simulasi persekitaran kerja sebenar, terutamanya dalam bidang kejuruteraan dan teknikal.

Sebagai sebahagian daripada komitmen ke arah pembelajaran imersif, UMPSA juga telah membangunkan tiga kursus dalam persekitaran metaverse, iaitu Artificial Intelligence, Data Structure & Algorithm, dan System Analysis & Design. Kursus-kursus ini menawarkan pengalaman pembelajaran yang futuristik, membolehkan pelajar berinteraksi dalam persekitaran maya yang mensimulasikan situasi dunia sebenar. Inisiatif ini bukan sahaja memberikan pendedahan langsung kepada aplikasi industri tetapi juga melengkapkan pelajar dengan kemahiran teknologi terkini, menjadikan mereka lebih bersedia untuk menghadapi cabaran dunia pekerjaan moden.

4. Pembelajaran Teradun (Blended Learning)

UMPSA mengintegrasikan pendekatan Pembelajaran Teradun (Blended Learning) secara meluas dalam hampir keseluruhan kursus yang ditawarkan. Pendekatan ini menggabungkan elemen pembelajaran fizikal dan dalam talian, memastikan pelajar memperoleh manfaat terbaik daripada kedua-dua kaedah. Bahan pembelajaran digital disusun untuk melengkapi sesi interaksi kelas tradisional, menjadikan proses pembelajaran lebih fleksibel dan berkesan.

Selain itu, UMPSA turut memperkenalkan elemen micro-credentials yang boleh dilaksanakan melalui kaedah pembelajaran teradun. Micro-credentials ini memberi peluang kepada pelajar untuk mengambil modul tertentu secara berasingan, sama ada sebagai sebahagian daripada program utama atau untuk menambah kemahiran secara khusus. Dengan sokongan teknologi dan platform pembelajaran dalam talian, pendekatan ini membolehkan pelajar memilih masa dan tempat belajar yang lebih fleksibel. Strategi ini bukan sahaja meningkatkan hasil pembelajaran, tetapi juga membantu pelajar menyesuaikan diri dengan perkembangan teknologi pendidikan,

5. Perancangan ke arah Pembelajaran Jarak Jauh Terbuka (ODL):

Dalam usaha memperluas akses kepada pendidikan tinggi, UMPSA sedang giat membangunkan Program Pembelajaran Jarak Jauh Terbuka (ODL) yang fleksibel dan bersesuaian dengan keperluan pelajar dewasa, pekerja profesional, serta komuniti yang mencari peluang pembelajaran sepanjang hayat.

Sebagai langkah strategik, UMPSA merancang untuk menawarkan program pascasiswazah melalui pendekatan ODL, termasuk Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dan Sarjana Pengurusan Projek yang akan dikendalikan oleh Fakulti Pengurusan Industri. Di samping itu, Fakulti Komputeran akan menawarkan Sarjana Transformasi Digital, sejajar dengan permintaan yang semakin meningkat dalam bidang teknologi dan pendigitalan.

Program ODL ini akan memberikan kebebasan kepada pelajar untuk mengikuti pengajian secara fleksibel, tanpa perlu terikat dengan lokasi atau waktu tertentu. Pendekatan ini juga direka untuk memenuhi keperluan golongan yang mempunyai komitmen kerja atau keluarga, membolehkan mereka meningkatkan kelayakan akademik tanpa menjejaskan tanggungjawab semasa.

Pengenalan program ODL ini bukan sahaja memperluas akses kepada pendidikan, tetapi juga menyokong agenda pembelajaran sepanjang hayat, sejajar dengan aspirasi negara untuk memperkukuh daya saing bakat tempatan di peringkat global. Program ini dijangka ditawarkan mulai tahun hadapan, menjadikan UMPSA sebagai salah satu penyedia utama dalam menawarkan pendidikan fleksibel yang berkualiti tinggi.

Ke Arah Pendidikan Masa Depan

Hala tuju **MTUN TVET Termaju 2030** menyediakan kerangka strategik yang kukuh untuk universiti teknikal seperti UMPSA dalam memacu pendidikan tinggi ke arah fleksibiliti, inovasi, dan integrasi teknologi. Sebagai sebahagian daripada MTUN, UMPSA komited untuk merealisasikan sasaran peningkatan enrolmen pelajar TVET seramai 150,000 menjelang tahun 2030, selaras dengan usaha memperluas akses kepada pendidikan yang relevan dengan keperluan industri global.

Dengan inisiatif e-Pembelajaran yang komprehensif, termasuk pelaksanaan micro-credentials, global classroom, pembangunan kursus berasaskan metaverse, dan akan menawarkan program ODL, UMPSA telah memperkukuhkan kedudukannya sebagai institusi pendidikan fleksibel yang responsif terhadap perubahan teknologi. Sokongan fasiliti dan infrastruktur yang ada di UMPSA seperti Hyflex EduSpot, Imersif Lab, dan studio hybrid memperlihatkan kesediaan UMPSA dalam menyediakan persekitaran pembelajaran masa depan yang inovatif dan dinamik.

Pelaburan strategik ini tidak hanya bertujuan memenuhi permintaan industri semasa, tetapi juga untuk mempersiapkan graduan menghadapi cabaran dunia pekerjaan yang lebih kompleks. Dengan mengekalkan momentum inovasi dan dedikasi, UMPSA yakin mampu menjadikan pendidikan fleksibel sebagai asas kecemerlangan akademik dan pembangunan modal insan negara, seiring aspirasi **MTUN TVET Termaju 2030**.

-- BERNAMA

BERNAMA

13 JANUARI 2025

BERNAMA ONLINE | MAXIS METERAI MOU DENGAN UMT, UTHM PERLUAS KERJASAMA INDUSTRI –AKADEMIK

Maxis Meterai MoU Dengan UMT, UTHM Perluas Kerjasama Industri-Akademik

🕒 13/01/2025 06:00 PM



KUALA LUMPUR, 13 Jan (Bernama) -- Maxis terus membentuk bakat muda masa depan dan memacu pemerkasaan belia menerusi kerjasama dengan universiti, termasuk terbaharu dengan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang secara keseluruhannya melibatkan lebih 30,000 pelajar.

Maxis dalam kenyataan hari ini memaklumkan kerjasama berkenaan dimeterai melalui dua majlis penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) yang diadakan baru-baru ini di Menara Maxis di sini dengan syarikat telekomunikasi itu diwakili Ketua Pegawai Transformasi dan Sumber Manusianya Patrick Er.

UMT pula diwakili Naib Canselornya Prof Dr Mohd Zamri Ibrahim manakala Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UTHM Prof Dr Abdul Rasid Abdul Razzaq mewakili universiti itu.

"Bertujuan memajukan pembelajaran, kesediaan kerjaya dan kemahiran digital di samping mengukuhkan hubungan industri-akademik, bidang utama kerjasama berkenaan meliputi perkongsian pengetahuan oleh pemimpin dan pakar Maxis untuk memberikan pandangan dunia sebenar," menurut kenyataan itu.

Kerjasama terbabit turut menyediakan peluang kerjaya melalui latihan amali di Maxis dan Program Duta Kampus Hotlink, pakej khas universiti untuk pelajar dan petugas serta e-sukan di kampus dan program yang lain untuk menggalakkan pembangunan pelajar.

Er dalam kenyataan sama berkata sebagai syarikat telekomunikasi bersepadu terkemuka di Malaysia, Maxis berharap dapat menggabungkan kepakaran industri dengan kecemerlangan akademik rakan kongsi universiti mereka.

"Penglibatan berterusan kami dengan universiti merupakan komitmen kami untuk menyediakan bakat muda di Malaysia dengan peluang yang berdaya saing untuk pertumbuhan dan pembangunan profesional," katanya.

Mohd Zamri pula berkata kerjasama UMT dengan Maxis akan mewujudkan peluang berharga bagi kedua-dua pihak untuk memanfaatkan teknologi termaju, kepakaran dan rangkaian profesional.

"Saya amat percaya kerjasama ini bukan sahaja akan meningkatkan pencapaian akademik pelajar UMT tetapi juga memberikan pendedahan berharga kepada dunia kerja sebenar dan peluang kerjaya yang berpotensi," katanya.

Sementara itu, Abdul Rasid berkata sebagai universiti teknikal, kerjasama industri-akademik dengan Maxis akan memainkan peranan penting dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) universiti itu.

"Kerjasama ini akan membantu pelajar kami memperoleh kemahiran yang relevan, pendedahan industri dan kelebihan daya saing dalam landskap digital yang sentiasa berkembang," katanya.

Maxis telah menyokong beberapa program UMT seperti Program Jalinan Mesra Student Baru, UMT Liga Bola Hotlink Piala Timbalan Naib Canselor HEPA, *ESG Global Young Leaders Summit* dan Anugerah Ikonsiswa. Begitu juga di UTHM, Maxis telah menyokong Festival Konvokesyen UTHM dan inisiatif Kad Prihatin Siswa.

-- BERNAMA

BERNAMA

15 JANUARI 2025

BERNAMA ONLINE | PELAKSANAAN DASAR LATIHAN AMALI 1:3 BERI MANFAAT KEPADA 100,000 PELAJAR - KESUMA

Pelaksanaan Dasar Latihan Amali 1:3 Beri Manfaat Kepada 100,000 Pelajar – KESUMA

🕒 15/01/2025 04:56 PM



K E M E N T E R I A N
S U M B E R M A N U S I A

PUTRAJAYA, 15 Jan (Bernama) -- Dasar Latihan Amali 1:3 yang bakal dilaksanakan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) menerusi Talent Corporation Malaysia Bhd (TalentCorp) dijangka memberi manfaat kepada 100,000 pelajar tempatan.

KESUMA dalam kenyataan memaklumkan dasar itu akan dipantau dan dilaksanakan secara berperingkat bermula fasa rintis pada 15 Feb hingga 31 Dis ini dan akan berkuat kuasa sepenuhnya pada 1 Jan 2026.

"Dasar baharu ini memperuntukkan syarikat yang menggajikan ekspatriat di Malaysia untuk menyediakan penempatan latihan amali kepada pelajar institut pengajian tinggi (IPT) di seluruh negara," menurut kenyataan itu.

Menurut KESUMA, langkah itu memperkukuh sumbangan ekspatriat kepada pembangunan negara dengan memberi peluang kepada bakat tempatan menjalani latihan amali berstruktur bagi mempersiapkan mereka untuk memenuhi keperluan industri.

Menerusi dasar itu, syarikat terlibat akan menikmati insentif pelepasan cukai melalui Program Latihan Industri Berstruktur Nasional (MysIP) di samping membantu dan melatih bakat tempatan untuk menghadapi cabaran pasaran kerja yang kompetitif.

Bagi memastikan dasar itu dilaksanakan secara efektif dan menyeluruh, syarikat perlu menyediakan sehingga tiga penempatan latihan industri berbayar dan berstruktur kepada pelajar tempatan dengan nisbah 1 ekspatriat kepada 3 pelatih industri bagi setiap Pas Penggajian Ekspatriat (EP) yang diluluskan melalui Pusat Perkhidmatan Ekspatriat Malaysia (MYXpats) dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC).

Menurut KESUMA, penyesuaian nisbah itu turut mengambil kira saiz organisasi dan jumlah tenaga kerja dalam sesebuah syarikat.

Selain itu, pelaksanaan dasar itu hanya akan dilaksanakan selepas ekspatriat menerima kelulusan EP dan tidak akan menjejaskan proses kelulusan penggajian ekspatriat semasa.

Syarikat yang memenuhi keperluan itu akan turut diberi keutamaan dalam kelulusan pada masa hadapan, menurut kenyataan itu.

KESUMA memaklumkan pelaksanaan dasar berkenaan tidak akan melibatkan sebarang kos tambahan dan akan disokong oleh ekosistem Insentif Latihan Amali (ILHAM) KESUMA bagi memudahkan cara syarikat menyediakan penempatan latihan industri.

Menurut kenyataan itu, bagi kelulusan Pas Penggajian II, syarikat perlu menyediakan dua tawaran atau penempatan latihan industri manakala bagi Pas Penggajian III, syarikat dikehendaki menyediakan satu penempatan.

"Jika nisbah penempatan latihan industri melebihi kadar dua peratus daripada jumlah pekerja, maka kadar minimum penempatan latihan industri akan ditetapkan pada kadar dua peratus sahaja daripada jumlah tenaga kerja syarikat secara automatik," menurut kenyataan itu.

Bagaimanapun, KESUMA memaklumkan untuk tempoh pelaksanaan fasa rintis yang bermula 15 Feb ini, dasar itu hanya terpakai kepada syarikat kategori I dan II sahaja.

Menurut KESUMA, TalentCorp sebagai penyelaras utama akan bekerjasama rapat dengan IPT, Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET), pemain industri, dewan perniagaan antarabangsa dan persatuan terlibat untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar itu.

Selain itu, dasar tersebut adalah selaras dengan tiga tonggak Rangka Kerja Ekonomi MADANI yaitu kelestarian, kesejahteraan dan inovasi bagi menyokong pertumbuhan ekonomi, penciptaan pekerjaan serta pembangunan tenaga kerja tempatan yang berdaya saing dan inovatif.

BERNAMA

19 JANUARI 2025

BERNAMA ONLINE | MAJLIS TVET MELAKA PERLUAS KERJASAMA INDUSTRI, BERI LEBIH BANYAK PELUANG

Majlis TVET Melaka Perluas Kerjasama Industri, Beri Lebih Banyak Peluang

🕒 19/01/2025 05:17 PM



JASIN, 19 Jan (Bernama) -- Kerajaan negeri menerusi Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Melaka akan memperluas jaringan kerjasama dengan pihak industri bagi menyediakan lebih banyak peluang kepada graduan dan belia di negeri ini.

Timbalan Exco Pelaburan, Perindustrian dan Pembangunan TVET negeri Datuk Khaidirah Abu Zahar berkata setakat ini lebih 30 syarikat di Melaka aktif dalam melaksanakan Kursus Induksi Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) di Melaka.

"Kebanyakan mereka terlibat adalah dalam industri automatif, pembuatan, elektrik dan elektronik (E&E) serta kenderaan elektrik (EV).

"Namun usaha ini akan diperluaskan dalam bidang lain seperti industri pemakanan dan farmaseutikal yang banyak terdapat di negeri ini," katanya kepada pemberita di Institusi Kemahiran Mara (IKM) Jasin di sini hari ini.

Terdahulu beliau menyampaikan sumbangan bantuan persekolahan kepada 340 pelajar sekolah rendah dan menengah dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Rim.

Khaidirah seterusnya berkata kerjasama itu juga bertujuan membantu mereka mendapat kemahiran baharu kerana teknologi sentiasa berubah saban tahun.

"Kita juga mahu setiap lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) khususnya tidak tercicir dan memastikan mereka masih berpeluang menyambung pelajaran walaupun bukan dalam arus perdana tetapi melalui program TVET.

"Di samping itu kita juga mahu memastikan anak kelahiran negeri Melaka memiliki sekurang-kurangnya Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 atau SKM 4," katanya.

Beliau berkata ia selaras dengan usaha kerajaan negeri bagi mengembleng tenaga dalam menjadikan Melaka sebagai hab TVET negara sekali gus melahirkan tenaga mahir tempatan berkemahiran tinggi.


-- BERNAMA

BERNAMA

22 JANUARI 2022

BH ONLINE | TVET EDUCATION SHOULD PRIORITISE UNDERPRIVILEGED GROUPS' RIGHTS, EQUITY AND INCLUSION

TVET EDUCATION SHOULD PRIORITISE UNDERPRIVILEGED GROUPS' RIGHTS, EQUITY AND INCLUSION



TVET, which stands for Technical and Vocational Education and Training, plays a key role in Malaysia, not only in terms of enhancing the outcomes of the labour market, but also in terms of fostering social integration and mobility for communities who are marginalised.

By providing individuals with the information and skills essential to make the transition from precarious livelihoods and informal employment settings to formal employment and decent work, technical and vocational education and training (TVET) assists individuals in making the transition. This leads to an improvement in the quality of life of individuals and contributes to the expansion of the economy of the nation as a whole.

Importance of TVET for Marginalised Communities

Disadvantaged groups in Malaysia, such as those living in rural areas, families with poor incomes, persons with disabilities and ethnic minorities, sometimes face significant challenges when it comes to obtaining an education and finding work.

Some examples of these hurdles include the limited access to quality education, the difficulty associated with language, the limitations imposed by the budget and the absence of infrastructure that is conducive to learning.

By putting an emphasis on the development of skills that are closely aligned with the requirements of the market, technical and vocational education and training (TVET) offers these persons a course of action that is realistic.

Not only does this alignment promote employability, but it also encourages self-sufficiency and entrepreneurialism, both of which are vital for reducing poverty and inequality. Moreover, it improves employability.

Challenges in TVET Access and Quality

The goal is to increase the proportion of highly skilled workers to over 4.5 per cent by the year 2030, and initiatives that aim to improve local student enrolment in technical vocational education and training (TVET) and STEM courses are being prioritised.

There are a number of challenges that the Technical and Vocational Education and Training (TVET) system in Malaysia must overcome in order to achieve genuine inclusion.

A significant obstacle that needs to be conquered is the issue of the training that is provided, both in terms of its quality and its relevance. Many technical and vocational education and training (TVET) institutes do not possess the necessary resources to be able to offer opportunities for further education or secure employment.

This issue is made even more severe by the fact that there is a scarcity of knowledgeable trainers who have prior expertise in the field of meeting the requirements of groups who are underrepresented.

Moreover, there is frequently a lack of strategic linkages between the formal, non-formal and informal sectors, which inhibits the possibility for students to receive real-world experience and job placements. This is a problem since it makes it more difficult for students to gain employment.

Building an Inclusive TVET Ecosystem

When compared to other nations, the percentage of students enrolling in technical and vocational education and training (TVET) in Malaysia is very low. Only 6.1 per cent of young people were enrolled in technical and vocational education and training (TVET) institutes in 2022, which is significantly lower than the percentages of 23.8 per cent in Singapore, 14.2 per cent in South Korea, and 12.8 per cent in Indonesia.

The development of an inclusive TVET ecosystem in Malaysia requires a number of different techniques that are interconnected. To begin, there is a requirement for novel approaches to delivery that are capable of catering to a wide range of educational requirements, such as those of individuals with disabilities, refugees, and migrants.

The creation of individualised training programmes and the implementation of technological tools to improve educational experiences are two ways in which this objective might be accomplished.

Secondly, it is of the utmost importance to promote gender equality within the field of technical and vocational education and training (TVET) because this ensures that both men and women have equal opportunity to acquire skills and gain employment.

It is possible for technical and vocational education and training (TVET) to equip individuals with the skills necessary for gainful employment and social mobility if barriers to entry are removed and high-quality, relevant training is ensured.

Building a TVET ecosystem that really serves all members of society and creating an inclusive and equitable future for Malaysia requires the joint efforts of diverse stakeholders, guided by initiatives such as those of UNESCO-UNEVOC. This is vital in order to construct a truly inclusive and equitable future for Malaysia.

-- BERNAMA

BERNAMA

24 JANUARI 2025

BHONLINE | UNIKL MIMET'S WAVE TANK TO BOOST MALAYSIA'S MARITIME TVET SECTOR

UniKL MIMET's Wave Tank To Boost Malaysia's Maritime TVET Sector

🕒 24/01/2025 10:12 PM



BERNAMA

30 JANUARI 2025

BH ONLINE | REGISTER TAHFIZ SCHOOLS TO AVOID MISSING OUT ON GOVT ASSISTANCE

Register Tahfiz Schools To Avoid Missing Out On Govt Assistance – DPM Ahmad Zahid

🕒 30/01/2025 06:02 PM

